

## BAB V

### KESIMPULAN, CADANGAN, PENUTUP

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bab ini penulis akan membuat suatu kesimpulan berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan. Beberapa cadangan juga akan dilampirkan sebagai satu inisiatif yang boleh dicetuskan pada masa akan datang.

#### 5.1 Kesimpulan

Berikut ialah kesimpulan yang penulis dapat kemukakan melalui kajian yang dijalankan ini:

- 1) Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa *ism fi'l* terbahagi kepada tiga jenis makna kata kerja iaitu *ism fi'l amr*, *ism fi'l madi* dan *ism fi'l mudari'*.
- 2) *Ism fi'l* juga terdiri daripada yang *manqul* atau *murtajal*. Didapati bahawa para nahuwan telah bersepakat bahawa kesemua *ism fi'l* bersifat *sama'iy* kecuali pada pola *فَعَالٍ* ia bersifat *qiyasiyy*. Walau bagaimanapun *qiyasiyy* tidak bermakna semua pola *فَعَالٍ* memberi makna *ism fi'l* sebaliknya tetap merujuk kepada pengucapan orang Arab dari aspek kesesuaian.

- 3) Walaupun *kaf hitab* pada *ism fi'l* seakan-akan terpisah dan bukan sebahagian daripada perkataan *ism fi'l*, namun para nahuwan berpandangan ia menjadi sebahagian daripada *ism fi'l* dan tiada kedudukannya dalam *irab* sebagaimana jenis *ism fi'l* yang lain.
- 4) *Ism fi'l* bersifat tidak fleksi dan tidak fleksibel sepertimana kata kerja.
- 5) Keistimewaan *ism fi'l* tertonjol di dalam al-Quran apabila digunakan pada tempat-tempat tertentu untuk mencetuskan makna yang lebih memberi kesan di hati pembaca dan pendengar al-Quran.
- 6) Penggunaan *ism fi'l* tidak penggunaannya sebagaimana kata kerja dan partikel kerana bukan semua keadaan sintaksis Arab yang menuntut kepada penegasan dan *mubalaghat* menggunakan *ism fi'l*.
- 7) Sekalipun *ism fi'l* jarang digunakan di dalam teks bahasa Arab namun ini tidak bermakna *ism fi'l* boleh dipinggirkan dan dipandang remeh kepentingannya.
- 8) *Ism fi'l* selalunya dapat dilihat pada sajak Arab kerana kebanyakan sajak menggambarkan luahan rasa yang impresif dan ditulis untuk mendapatkan perhatian pendengar.

- 9) Pelajar yang mempelajari bahasa Arab seharusnya mengetahui *ism fi'l* dan memahami penggunaannya di dalam sintaksis Arab sebagai melengkapkan penguasaan kategori kata bahasa Arab.
- 10) Penggunaan *ism fi'l* di dalam al-Quran memberi makna *mubalaghat*, *tawkid*, *ijaz* serta *ikhtisar*.
- 11) Melalui kajian ini, ia dapat membantu pelajar terutamanya dari kalangan bukan natif Arab untuk memahami konsep penggunaan *ism fi'l* selain dapat membezakannya dengan jenis kata bahasa Arab yang lain.
- 12) Kajian nahu Arab yang menggunakan al-Quran sebagai sumber kajian dapat menyemai kecintaan pelajar bukan sahaja kepada ilmu nahu malah kepada al-Quran al-karim.

## **5.2 Cadangan**

Antara cadangan yang penulis dapat kemukakan di sini ialah:

- 1) Pengalaman penulis sebagai pelajar dan pengajar mendapati pelajar-pelajar kebanyakannya tidak begitu terdedah dengan informasi berkaitan *ism fi'l*. Ada kalanya definisi *ism fi'l* juga tidak mampu diungkapkan oleh pelajar apabila diminta berbuat demikian. Justeru itu, satu kerugian seandainya pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang *ism fi'l* kerana *ism fi'l* mempunyai peranannya yang tersendiri yang boleh membantu pelajar memahami teks-teks bahasa Arab di

samping mengaplikasinya sendiri. Para pengajar disaran memasukkan pengajaran *ism fi'l* di dalam pembelajaran bahasa Arab.

- 2) Penulis mengharapkan agar ada pengkaji yang dapat meneroka kajian berunsurkan *ism fi'l* dengan lebih mendalam merangkumi teks selain al-Quran seperti hadith nabawi, prosa dan sajak Arab berbanding kajian yang dilakukan penulis atas faktor masa penulis yang terlalu terhad.
- 3) Walaupun *ism fi'l* jarang disentuh dengan mendalam dalam pembelajaran bahasa Arab peringkat tempatan, namun ia tidak seharusnya dipinggirkan malah sebaliknya perlu dianggap sebagai satu tajuk ilmu tatabahasa Arab yang perlu dipelajari.
- 4) Penulis mencadangkan selain pengajar menitik beratkan unsur kata kerja, kata nama dan partikel, pengajaran tentang *ism fi'l* perlu diselitkan sebagai panduan pelajar mempelbagaikan penggunaan perkataan dalam penulisan.
- 5) Selain itu, para pengajar disarankan agar memberikan contoh-contoh perbezaan perkataan bahasa Arab yang terdiri daripada kata kerja, kata nama, partikel dan tidak lupa *ism fi'l* dari aspek fungsi dan semantik.
- 6) Bagi penulis, kajian tentang *ism fi'l* merupakan suatu kajian yang menarik dan memerlukan kepada iltizam yang tinggi untuk mendapatkan kefahaman dan maklumat yang diinginkan. Antaranya kajian ini dapat mendedahkan kelebihan

bahasa Arab kerana mempunyai suatu kategori kata lain dikenali sebagai *ism fi'l*. Tambahan pula penggunaan *ism fi'l* dapat dilihat dalam al-Quran al-karim. Justeru tidak hairanlah apabila ia sebenarnya mencetuskan keinginan para nahuwan dan ulama tafsir untuk mendapatkan pengertian *ism fi'l* dan peranannya dengan lebih dekat lagi. Sepatutnya kita mengambil peluang ini untuk melihat kecantikan dan keunikan *ism fi'l* yang dapat dilihat dalam sintaksis Arab khususnya di dalam al-Quran.

- 7) Semoga kajian ini memberi inspirasi kepada kajian seterusnya yang berkaitan dengan *ism fi'l* sebagai suatu kesinambungan daripada kajian yang telah dijalankan ini. Kajian seterusnya boleh juga membabitkan sampel dari kalangan para pelajar dengan melihat sejauh mana penguasaan mereka terhadap *ism fi'l* dalam sintaksis Arab.

### **5.3 Penutup**

Penulis merasakan bahawa kajian ini dapat menghasilkan suatu interpretasi yang penting terhadap *ism fi'l* dalam sintaksis bahasa Arab secara umumnya dan dalam al-Quran secara khususnya. Fungsi *ism fi'l* begitu menarik selain penggunaannya yang kelihatan unik tidak seumpama jenis kata yang lain dalam bahasa Arab. Semoga kajian yang ringkas ini mampu membantu meningkatkan kefahaman pelajar dan pembaca mengenai ciri-ciri dan kepentingan *ism fi'l* di dalam bahasa Arab.